

Hasrat Dr. M luar biasa

KOTA TINGGI 26 Ogos - Luar biasa dan kurang sesuai, itu antara pendapat beberapa pemimpin UMNO mengenai tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad menawarkan diri sebagai anggota perwakilan ke perhimpunan agung parti itu November ini walaupun parti tidak melarang beliau berbuat demikian.

"Ia tidak pernah berlaku dalam sejarah UMNO di mana bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO mahu bertanding di dalam G7 dan menjadi perwakilan," kata anggota Majlis Tertinggi UMNO dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

(G-7 ialah gelaran kepada kumpulan tujuh orang anggota parti yang terpilih untuk mewakili bahagian UMNO bagi menghadiri perhimpunan agung).

Bagaimanapun, beliau berkata UMNO tidak akan mengganggu hak anggotanya dan kata penentu ditangan anggota UMNO Kubang Pasu.

Beliau bagaimanapun menasihatkan

ia tidak pernah berlaku dalam sejarah UMNO di mana bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO mahu bertanding di dalam G7 dan menjadi perwakilan
- Syed Hamid Albar

Dr. Mahathir agar memikirkan tindakannya itu dengan penuh kewajaran dan menentukan sama ada beliau benar-benar mahu bertanding untuk menjadi perwakilan bahagian.

Ini kerana pelbagai andaian akan diutarakan, katanya selepas perasmian persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kota Tinggi di sini hari ini.

Menteri Besar Pahang selepas merasmikan persidangan perwakilan Bahagian Kota Tinggi itu berkata: "Pelik pun tidak, hairan pun tidak, tetapi ia (tawaran Dr Mahathir) luar biasa sedikit. Dan UMNO mahu mengetahui

apakah sebab di sebalik kesanggupan Dr Mahathir itu dan isu-isu yang mahu diketengahkan serta tujuannya.

Di KOTA BHARU, Naib Presiden UMNO yang juga Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata, seera peribadi, beliau merasakan tindakan Dr. Mahathir itu tidak sesuai bagi seorang yang pernah memegang jawatan presiden UMNO.

Banyak lagi saluran lain yang boleh digunakan untuk menyampaikan pandangannya kepada parti, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Baha-

gian Kota Baharu.

Di KUALA PILAH, anggota MT Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Dr. Mahathir tidak perlu merendahkan martabatnya sebagai seorang negarawan untuk menjadi perwakilan.

"Tak seharusnya kedudukan beliau terlalu rendah. Seperti kitab lama ia perlu diletakkan di tempat tinggi. Kalau diletakkan di lantai saya khuatir ia kelak nanti dipijak orang.

"Kita tidak mahu keadaan Tun begitu. Kita hormati beliau. Kalau nak merendah diri sekalipun biarlah dalam situasi sepatutnya," kata Timbalan Menteri Penerangan itu selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kuala Pilah.

Di YAN, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin menaruh harapan yang tinggi supaya isu Dr. Mahathir dan Abdullah segera selesai.

- Bernama